

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID
(B) [LUMUT]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan
terperinci bagaimana Kerajaan urus tadbir perbelanjaan kewangan
negara sehingga memerlukan peruntukan Kewangan Tambahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bajet tahunan yang disediakan oleh Kerajaan adalah berdasarkan
Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan yang akan
dilaksanakan pada tahun kewangan tersebut berdasarkan keadaan
semasa ekonomi negara dan dunia serta kemampuan kewangan
Kerajaan.

Walau bagaimanapun, penyediaan bajet tahunan tidak dapat mengambil kira perkara-perkara luar jangka yang mendesak dan memerlukan tindakan segera seperti ketidaktentuan ekonomi global, isu keselamatan wilayah di Sabah serta bencana banjir di seluruh negara.

Oleh yang demikian, bagi menangani perkara di atas, Perkara 101 Perlembagaan Persekutuan (Perbelanjaan Mengurus) dan subseksyen 4(2) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Perbelanjaan Pembangunan) membenarkan Kerajaan memohon peruntukan tambahan untuk perbelanjaan tahun berkenaan bagi Maksud- maksud yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Perbelanjaan asal.

Dalam memohon peruntukan tambahan, Kerajaan sentiasa mengambil kira kedudukan kewangan negara serta memastikan bahawa defisit fiskal berada pada tahap yang terkawal.